

Shahrizat: Saya hanya isteri pengerusi eksekutif NFC
The Malaysian Insider
21 Disember, 2011
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 21 Dis — Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil sekali lagi menafikan wujudnya sebarang bentuk salah laku dalam skandal Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC) melibatkan RM250 juta sambil menegaskan, beliau “hanya isteri” kepada pengerusi eksekutif projek kontroversi itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini berkata, dari sudut “perundangan dan profesional, saya tidak terlibat dalam NFC”, yang dikaitkan dengan keluarganya.

“Saya hanya isteri pengerusi NFC. Semua wanita ada keluarga dan suami,” kata beliau kepada pemberita di sini, hari ini.

Shahrizat yang juga Ketua Wanita Umno berhadapan dengan desakan dan gesaan agar melepaskan jawatan menteri.

Desakan itu turut datang daripada bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dalam responsnya hari ini, Shahrizat berkata, beliau tidak harus dimaklum apa yang harus dilakukannya.

“Sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab dan veteran dalam politik, yang menyayangi Barisan Nasional (BN), saya tahu apa tindakan yang harus diambil dan akan berbincang dengan Datuk Seri Najib Razak,” katanya merujuk kepada perdana menteri dan presiden Umno.

Bagaimanapun beliau enggan mendedahkan tindakan yang sedang dipertimbangkan, tetapi katanya, “saya akan memutuskan mengikut keazaman saya.”

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/shahrizat-saya-hanya-isteri-pengerusi-eksekutif-nfc/>